

FAKTOR-FAKTOR BAGI MEWUJUDKAN BUDAYA KESELAMATAN DI  
TAPAK BINA

NOR HIDAYU BINTI IBRAHIM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Ukur Bahan

Falkuti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2010

## ABSTRAK

Industri pembinaan di Malaysia dipengaruhi oleh kepesatan sektor pembangunan negara di samping kemajuan teknologi. Penggunaan pelbagai jentera, peralatan dan teknologi baru di tapak bina meningkatkan lagi risiko kemalangan dalam sektor pembinaan negara. Namun begitu, isu keselamatan masih kurang dititikberatkan di kalangan semua pekerja di tapak bina dan budaya keselamatan yang selamat masih kurang diaplikasikan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti faktor-faktor bagi mewujudkan budaya keselamatan dan mengenal pasti langkah-langkah meningkatkan kesedaran keselamatan di kalangan para pekerja di tapak bina. Dalam usaha mencapai objektif tersebut, pihak responden yang telah dipilih terdiri daripada pekerja projek pembinaan dan juga pegawai keselamatan dan kesihatan (*safety and health officer, SHO*) yang mana responden bekerja dalam tapak bina yang berisiko tinggi untuk berlaku kemalangan. Kajian ini tertumpu kepada projek pembinaan di sekitar Johor Bahru, di mana 50 set borang soal selidik diedarkan kepada para pekerja di tapak bina yang telah dipilih, manakala seramai enam orang SHO telah ditemu bual. Kaedah kajian yang digunakan bagi mengumpulkan data ialah melalui borang soal selidik serta temu bual. Borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah min skor, peratusan dan kaedah kekerapan (frekuensi). Kajian ini mendapati bahawa faktor komitmen daripada pihak atasan iaitu majikan amat penting dalam membantu mewujudkan budaya keselamatan di tapak bina. Berdasarkan hasil kajian majikan merupakan pihak penting dalam memastikan sesuatu projek itu melaksanakan amalan keselamatan yang berkesan. Selain itu hasil kajian menunjukkan bahawa kesedaran diri pekerja dan penekanan daripada pihak majikan amat penting dalam meningkatkan kesedaran keselamatan kepada para pekerja.

## **ABSTRACT**

Construction industry in Malaysia are influence by rapidity development of the nation sector by technological progress. Machinery, equipment and new multiple technology usage on construction site was further increase risk of accidents in nation building sector. Nevertheless, safety issue still lacking in emphasize among all of the employees on construction site and safety culture still lacking in application. Then, this study also focus to identify the factors that needs to be implement to create safety culture on construction site. At the same time, the studies also were carried out to focus on how to increase awareness among site employee. The objective of the study was to identifying factors that create safety culture and to identify the best way for increasing safety awareness among workers on construction site. In effort attainment of the objectives, respondent are choose where they constitute construction project employee and also safety and health officer (SHO) which generally respondent work in construction site is the highest risk to involve in an accident. Method that be using to collect the data is through questionnaire and semi-structured interview form. Questionnaire form was analyzed by using mean score method, and frequency percentage method. This study find that commitment of top management is the important factor, where employer is responsible in creating safety culture on construction site. Apart from that, research showed that employee must have self-consciousness and employer need to emphasis more on the important in improving security awareness towards their workers.